

## Proses peralihan Kabinet belum selesai

**KUALA LUMPUR, Sabtu**  
— Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen di beberapa kementerian dalam kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sehingga ini, masih belum berpindah ke tempat masing-masing.

Proses peralihan dari kabinet Tun Hussein sejak 18 Julai lalu, masih belum selesai, walaupun mesyuarat kabinet pertama diadakan 2 hari lalu.

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perusahaan Awam, Encik Hussein Mahmud, masih belum ke kementerian itu. Manakala Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Idris Rauf, yang dulunya Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, balik ke Perak.

Telefon opereter di kementerian-kementerian tertentu, ketika dihubungi dan minta disambungkan kepada ke Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen, terlebih dahulu bertanya: "Yang baru atau yang lama?"

Kalau dipinta 'yang baru,' mereka lekas-lekas menjawab, tiada.